

BH MS 13 07/08/2019

Pantau program keusahawanan

Kementerian serah laporan penambahbaikan program SL1M kepada Jemaah Menteri

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Usahawan akan memantau laporan kewangan semasa dan menambah baik program di bawahnya, susulan daripada laporan audit tahun lalu mengenai Skim Latihan 1Malaysia (SL1M).

Mengulas perkembangan terkini berhubung isu itu, Ketua Setiausahaanya, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, berkata pihaknya mengambil maklum perkara itu dan akan menyerahkan laporan penambahbaikan program kepada Jemaah Menteri.

“Jika diberi mandat baharu kita akan menambahbaik program dijalankan serta memastikan semua isu dibangkitkan dipantau. Kita juga mengambil kira semua pandangan yang diberikan.

“Kini program Profesional Training and Education for Gro-

wing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) di letak di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Usahawan (MED),” katanya ketika ditemui selepas sesi dialog bersama peserta Business Accelerator Programme (BAP).

Seramai 35 peserta menyertai BAP iaitu satu inisiatif di bawah PROTÉGÉ dengan misi membantu usahawan muda dalam melonjakkan skala perniagaan seterusnya menambah baik operasi perniagaan.

Yang turut hadir, 52 peserta program PROTÉGÉ-Booster kelolaan Maybank berlangsung di Bangi pada sesi dialog bersama Ketua Setiausaha, MED, Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

Inisiatif ini secara tidak langsung memperkasakan penguasaan perniagaan seterusnya membentuk usahawan yang berdaya saing.

BAP terbuka kepada golongan belia termasuk graduan yang baru menceburi bidang keusahawanan.

Peserta diperkenal dengan fungsi dan kemudahan pinjaman disediakan, selain didedahkan dengan latihan serta bimbingan oleh pakar industri melalui model khas yang dirangka dalam program itu.

Program ini yang dilaksanakan bersama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) berkonsepkan coaching and monitoring selama empat bulan, sarat dengan pengi-



Wan Suraya (tengah) dan Norashikin (lima dari kiri) bersama peserta PROTÉGÉ BAP dan PROTÉGÉ Maybank di Akademi Maybank, di Bangi.
(Foto Azhar Ramli/BH)

sian dan mendapat tunjuk ajar daripada BisKaunselor (BK) yang dilantik.

Sementara itu, Ketua Sekretariat PROTÉGÉ Norashikin Ismail berkata, graduan tidak seharusnya bergantung kepada kerja makan gaji sebaliknya mereka perlu mencipta peluang pekerjaan dengan menjadi usahawan.

“Peserta yang hadir pada program ini sememangnya sudah ada perniagaan tetapi secara kecil-kecilan. Dengan menyediakan program ini kita membantu memantapkan lagi kemahiran mereka dalam bidang perniagaan supaya da-

pat mengembangkan perniagaan dan mampu pergi jauh lagi,” katanya.

Rata-rata peserta yang ditemui melahirkan rasa gembira dan bertuah dapat menyertai program BAP kerana bukan saja mendapat ilmu pada masa sama memperkenalkan perniagaannya kepada pihak yang terbabit.

Ketua Pegawai Kewangan First Lab Furniture, Norliyani Bukhari, 33, berkata penyertaannya adalah untuk memperkenalkan perniagaan perabot makmal.

“Usahawan Bumiputera tidak nampak peluang boleh mereka ce-

buri dalam bidang ini yang mempunyai masa depan cerah,” katanya.

Pemilik Sewabas.com, Azfeez Ezry Azami, 28, berkata, peluang menyertai BAP banyak memberi ilmu kepadanya bukan saja dalam pengurusan perniagaan dan kewangan tetapi pada masa sama dapat mempelajari tenis mengambil video serta gambar.

“Kalau belajar di luar memerlukan kos agak tinggi tetapi dengan mengikuti program ini kos yang dikeluarkan minimum,” katanya yang menjalankan perniagaan perkhidmatan sewa bas.